

# **Program Master Trainer: Pemangkin Pensyarah Profesional IABCGH**

Norazana binti Mohd. Nor & Nik Karimah binti Nik Hassan  
Jabatan Penilaian dan Pentaksiran Pemimpin Pendidikan  
Institut Aminuddin Baki, Cawangan Genting Highlands, KPM

## **1.0 Pengenalan**


Program Master Trainer IAB diwujudkan berdasarkan mandat daripada YB Menteri Pelajaran Malaysia (2008). Mandat itu menyatakan bahawa IAB, sebagai sebuah organisasi latihan perlu dibangunkan sebagai *Premier Centre* yang menjadi Badan Penganugerahan Sijil Kejurulatihan Profesional (*Certified Trainer and Coach*) dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Pada tahun 2016, Program Master Trainer IAB terus dimantapkan bagi menyokong inisiatif-inisiatif PPPM (2013-2025) khususnya Anjakan ke Lima iaitu Memastikan Kepimpinan Berprestasi Tinggi ditempatkan di setiap sekolah.

Dua inisiatif utama pembangunan Master Trainer IAB iaitu; pembangunan profesional serta pentaksiran dan pentauliahan Master Trainer (MT) merupakan mekanisme kawalan kualiti yang menjadi agenda utama di IAB. Dalam usaha untuk memastikan *trainer* dan *coach* yang terlatih melaksanakan latihan untuk pemimpin pendidikan, pelbagai mesyuarat, bengkel dan perbincangan profesional dilaksanakan bagi memastikan kualiti program Master Trainer IAB terus dipertingkatkan. Pakar-pakar dalam bidang pembangunan sumber manusia dari luar dan dalam organisasi khususnya berkaitan dengan pembangunan Master Trainer dilibatkan sama dalam proses ini. Beberapa penambahbaikan berkaitan nama sijil, kaedah penilaian dan instrumen penilaian dibuat.

## **2.0 Semakan Kerangka Master Trainer**

Hasil refleksi pelaksanaan pentauliahan serta kajian literatur berkaitan amalan pensijilan dalam industri latihan, kerangka MT diubahsuai sejajar dengan evolusi dalam kerjaya *trainer-coach*. Perubahan dalam kerangka ini melibatkan nama sijil

dan penambahbaikan kepada kriteria pensijilan. Rajah 1 menunjukkan perubahan dalam kerangka Master Trainer.




Rajah 1: Perubahan Kerangka Master Trainer

### 3.0 Kerangka Pentaksiran Master Trainer

Trainer yang kompeten mempunyai kemahiran dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesi latihan. Berdasarkan kerangka Penilaian Master Trainer IAB, lima domain yang penting perlu dilaksanakan dalam setiap sesi latihan yang berkualiti. Jadual 1 menunjukkan penambahbaikan kepada kriteria pensijilan bagi setiap jenis pensijilan.

Jadual 1: Kriteria Pensijilan Mengikut Kategori Pensijilan

| Kategori Pensijilan                   | Kompetensi  | Kumpulan Sasaran   | Kriteria Pensijilan   |
|---------------------------------------|---|--|---|
| <i>Certified Trainer (CT)</i>         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengendalian sesi latihan</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pensyarah IAB</li> <li>Jurulatih Institusi Latihan Sektor Awam</li> </ul>                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kompeten dalam lima domain pengendalian sesi latihan</li> </ul>  |
| <i>Certified Master Trainer (CMT)</i> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Rekabentuk kursus</li> <li>Pengendalian sesi latihan</li> <li>Mentor kepada 2 orang Trainer</li> </ul>                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pensyarah IAB</li> <li>Jurulatih Institusi Latihan Sektor Awam</li> </ul>                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Merekabentuk dan melaksanakan kursus (minima 18 jam) dalam bidang kepakaran.</li> <li>Merekabentuk dan melaksanakan Modul Train the Trainer (12 jam)</li> <li>Membuat penyelidikan/penerbitan dalam bidang kepakaran.</li> </ul>                   |
| <i>Certified Coach (CC)</i>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembimbing pemimpin pendidikan</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pensyarah IAB</li> <li>SIPartners</li> <li>Pengetua</li> <li>Guru Besar</li> <li>Pegawai KPM/JPN/PPD</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kompeten melaksanakan coaching dan mentoring kepada pemimpin sekolah di 2 organisasi.</li> </ul>   |
| <i>Certified Master Coach (CMC)</i>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembimbing pemimpin pendidikan</li> <li>Mentor kepada Coach</li> <li>Pembina model bagi penambahbaikan organisasi</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pensyarah IAB</li> <li>Jurulatih Institusi Latihan Sektor Awam</li> </ul>                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Terlibat aktif dalam aspek coaching dan mentoring secara langsung.</li> <li>Membangunkan model berkaitan coaching dan mentoring organisasi sekolah berasaskan pengalaman di lapangan.</li> <li>Menggubal modul Train the Coach (12 jam)</li> </ul> |



Rajah 2: Kerangka Pentaksiran Master Trainer

Berikut adalah penerangan setiap domain:

| Domain   | Keterangan  |
|--|---|
| Perancangan<br>Penyampaian<br>Sesi Latihan                     | Sejauh mana jurulatih mengenalpasti dan menyusun bahan latihan dan teknik penyampaian secara terperinci bersesuaian dengan objektif, kandungan, kaedah dan sasaran peserta sebelum kursus bermula |
| Pengurusan Sesi<br>Latihan                                     | Sejauh mana jurulatih berupaya meransang pembelajaran dan menyesuaikan strategi dengan persekitaran fizikal   |
| Strategi<br>Penyampaian<br>Berkesan                            | Sejauh mana jurulatih berupaya menggunakan pelbagai strategi penyampaian bagi menggabungkan teori dan amalan menepati objektif kursus dan konteks peserta   |
| Kepakaran<br>Penguasaan Isi<br>Kandungan Tajuk<br>Sesi Latihan | Sejauh mana jurulatih berupaya menguasai isi kandungan bidang kepakaran   |
| Penilaian<br>Pembelajaran                                      | Sejauh mana jurulatih berupaya membuat penilaian terhadap sesi latihan  |

#### **4.0 Pembangunan Instrumen Pentaksiran**

Instrumen pentaksiran *Certified Trainer* merupakan satu alat pengukuran kompetensi pensyarah yang mengendalikan sesi latihan di IAB. Kompetensi pentaksiran *trainer* adalah berdasarkan lima domain. Jadual 2 menunjukkan pemberatan setiap domain

Jadual 2: Pemberatan setiap domain

| 1                                    | 2                       | 3                             | 4   | 5                      |
|--------------------------------------|-------------------------|-------------------------------|---|------------------------|
| Perancangan Penyampaian Sesi Latihan | Pengurusan Sesi Latihan | Strategi Penyampaian Berkesan | Kepakaran Penguasaan Isi Kandungan Sesi Latihan | Penilaian Pembelajaran |
| (10%)                                | (25%)                   | (20%)                         | (30%)   | (15%)                  |

#### **5.0 Pembangunan Profesional Panel Pentaksir IABC GH**

Sehingga kini, seramai 19 orang panel pentaksir telah dilantik dalam kalangan pensyarah IABC GH. Mereka telah melalui proses amali pentaksiran dengan menggunakan Instrumen Pentaksiran Certified Trainer IAB dan telah berjaya ditauliahkan sebagai Certified Trainer/Master Trainer/Certified Coach/Certified Coach. Selain itu, mereka diwajibkan hadir Kursus Panel Pentaksir bagi diberikan pendedahan tentang falsafah dan amalan pentaksiran Master Trainer IAB. Mereka semua terlibat dengan aktif bagi proses pentaksiran pensyarah yang lain dengan menjadi Mentor kepada pensyarah yang ditaksir atau dilantik menjadi Panel Pentaksir mengikut kepakaran masing-masing.

Pembangunan Profesional Master Trainer IAB dilaksanakan melalui dua inisiatif utama iaitu individu dan organisasi. Inisiatif individu adalah usaha-usaha

pensyarah sendiri untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi jurulatih profesional.

Konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui pembacaan, perbincangan reflektif dan perkongsian amalan sangat digalakkan. Banyak modul latihan yang berkualiti berjaya dihasilkan daripada perkongsian kepakaran kumpulan pensyarah yang aktif. Inisiatif organisasi adalah latihan pembangunan kejurulatihan terancang yang ditawarkan melalui IAB bagi meningkatkan kompetensi *trainer* dan *coach*. Peluang-peluang latihan adalah berfokuskan kepada pemantapan kaedah melaksanakan latihan berkesan dan penguasaan bidang kepakaran. Seramai 19 orang pensyarah IABCGH ditauliahkan pensijilan MT IAB (2016) seperti di lampiran.

## **6.0 KESIMPULAN**

Program pentaulahan MTIAB adalah satu strategi untuk menyediakan *trainer* yang profesional bagi melatih kumpulan pemimpin pendidikan di Malaysia. Inisiatif ini adalah berpaksikan kepada keperluan IAB sebagai pusat latihan kepimpinan pendidikan yang bertanggungjawab untuk melahirkan pemimpin berprestasi tinggi untuk ditempatkan di semua sekolah. Pembangunan profesional semua pensyarah perlu ditingkatkan melaui pelbagai inisiatif sejajar dengan perkembangan semasa yang menuntut ketrampilan yang tinggi dalam kalangan pensyarah. Pada akhirnya, adalah menjadi hasrat pihak pengurusan IABCGH khususnya untuk memastikan semua pensyarah IABCGH berjaya ditauliahkan sebagai certified trainer/coach. Hasrat ini pasti akan tercapai dengan iltizam dan sokongan padu daripada semua pihak.

## **Rujukan**

Amin Senin. 2008. Melangkah ke hadapan. Institut Aminuddin Baki, KPM.

Monograf Kompetensi Berimpak Tinggi Pemimpin Sekolah di Malaysia. 2009. Institut Aminuddin Baki, KPM.

Panduan Program Master Trainer: Pentaksiran Master Trainer (Edisi Semakan).2016. Institut Aminuddin Baki, KPM

PPPM (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lampiran

| BIL | NAMA                                | CERTIFIED TRAINER | CERTIFIED MASTER TRAINER | CERTIFIED COACH | CERTIFIED MASTER COACH |
|-----|-------------------------------------|-------------------|--------------------------|-----------------|------------------------|
| 1   | ABD. RAZAK BIN MANAF                | -                 | MTIAB-0013 (ST)          | -               | MTIAB-004 (SC)         |
| 2   | ABDUL RAZAK BIN ALIAS               | MTIAB-0241 (T)    |                          |                 |                        |
| 3   | ABDULLAH BIN SEMAN                  | MTIAB-0045 (T)    |                          | MTIAB-0097 (C)  |                        |
| 4   | DR AKMA BT ABD HAMID                | MTIAB-0243(T)     |                          |                 |                        |
| 5   | DR WEE ENG LEE                      |                   |                          | MTIAB-0070 (C)  |                        |
| 6   | DR. KAMARUZAMAN BIN MOIDUNNY        | -                 | MTIAB-0026(ST)           | MTIAB-0080 (C)  |                        |
| 7   | DR. NORAZIAH BT ABD. AZIZ           | MTIAB-0044(T)     |                          | MTIAB-0096 (C)  |                        |
| 8   | JUNAIDAH BT. ABDUL JAMIL            | -                 | MTIAB-0021(ST)           | MTIAB-0075(C)   |                        |
| 9   | MUHAMAD BUSTAMAN BIN ABDUL MANAF    | -                 | MTIAB-011(ST)            | -               | MTIAB-002 (SC)         |
| 10  | NOR HASIMAH BT. HASHIM@ ABD MANAF   | MTIAB-0043(T)     |                          | MTIAB-0095 (C)  |                        |
| 11  | NOR KAMSIAH BT. JAAPAR              | MTIAB-0049(T)     | MTIAB-0237 (ST)          | MTIAB-0101 (C)  |                        |
| 12  | ROKIYAH BEE BT. SNE MOHD SHAH       | -                 | MTIAB-014(ST)            | -               | MTIAB-005 (SC)         |
| 13  | WAN SHAMSUDDIN BIN WAN MOHD. SALLEH | MTIAB-0046(T)     |                          | MTIAB-0098 (C)  |                        |
| 14  | SITI ARIJA BINTI ABD RAHMAN         | MTIAB-0262(T)     |                          |                 |                        |
| 15  | DR ZAITON BINTI ISMAIL              | MTIAB-0264(T)     |                          |                 |                        |
| 16  | SITI ANIDAH BINTI MAHADI            | MTIAB-0292(T)     |                          |                 |                        |
| 17  | SA'ADIAH BINTI SHUIB                | MTIAB-0291(T)     |                          |                 |                        |
| 18  | JAMELAA BIBI BINTI ABDULLAH         | MTIAB-0293(T)     |                          |                 |                        |
| 19  | ZAKIAH BINTI HAJI AHMAD             | MTIAB-0265 (T)    |                          |                 |                        |

